

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (34)  
Tarikh : 3 April 2015

**Ketua Pengarang  
Makkal Osai**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MAKKAL OSAI BERTAJUK “AYAH TIDAK DAPAT DIKESAN , IBU TIDAK MEMPUNYAI KAD PENGENALAN ANAK-ANAK TIDAK MEMPUNYAI SIJIL KELAHIRAN” BERTARIKH 27 MAC 2015 JUMAAT – M.S: MUKA DEPAN**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Sri Dewi berkenaan dia dan anak-anaknya yang tidak memiliki kad pengenalan.

3. Untuk makluman, berdasarkan semakan Puan Sri Dewi telah mengemukakan permohonan daftar lewat kad pengenalan di JPN Setia Tropika Johor pada 30.03.2015 dan penetapan tarikh urusan temuduga daftar lewat kad pengenalan telah ditetapkan pada 08.04.2015. Berhubungan pendaftaran dokumen pengenalan diri anak-anak beliau akan diuruskan selepas isu dokumentasi Puan Sri Dewi selesai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)  
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)